


Jilid I
Bil. 59



Hari Jumaat
7hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6669]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat—Menimbangkan Usul Akta Pinjaman Luar,
1963 [Ruangan 6697]

Akta Pinjaman Luar, 1963 [Ruangan 6746]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan
Perceraian), 1975 [Ruangan 6697]

Rang Undang-undang Bendapurba [Ruangan 6747]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Jumaat, 7hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK
(Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan,
DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung
Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., S.I.M.P., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AIR PAIP—BEKALAN KE KAWASAN SUNGAI MANIK DAN LABU KUBANG

1. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membekalkan air paip ke kawasan Sungai Manik dan Labu Kubang bagi mengatasi bahaya meminum air yang bercampur dengan racun serangga.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan dengan jelasnya tempat manakah di kawasan Sungai Manik ataupun Labu Kubang belum dibekalkan dengan air paip. Mengikut maklumat-maklumat yang telah diberi kepada saya, saluran-saluran air paip di sepanjang Jalan Telok Anson/Sungai Manik dan Telok Anson/Labu Kubang, Perak telahpun ada pada masa sekarang dan bekalannya boleh disambung bila-bila masa sahaja. Permohonan boleh dimajukan kepada Jawatan-kuasa Tindakan Negeri Perak untuk diper-timbangkan.

PERDAGANGAN DENGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (E.E.C.)

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perdagangan kita dengan Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki kedudukan perdagangan Malaysia dengan E.E.C. telah dibuat melalui dua cara utama, iaitu secara terus ataupun “bilateral” dan juga secara bersama melalui ASEAN. Tindakan secara terus adalah bertujuan untuk

mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi oleh perdagangan eksport Malaysia yang diakibatkan oleh kemasukan United Kingdom ke dalam Kesatuan Ekonomi Eropah. Tindakan secara bilateral ini diadakan dengan negara kita berhubung terus dengan negara-negara yang tertentu di wilayah E.E.C. supaya masaalah-masaalah terutamanya yang berbangkit dengan kemasukan United Kingdom ini dapat diatasi. Tindakan secara ini adalah berdasarkan kepada “Deklarasi Tujuan Bersama” (Joint Declaration of Intent) yang dibuat oleh E.E.C. untuk negara-negara Commonwealth di Asia, apabila United Kingdom menjadi ahli E.E.C.

Di dalam rangka Deklarasi Tujuan Bersama, yang merupakan satu ketetapan E.E.C. untuk mengkaji masaalah-masaalah perdagangan yang dihadapi oleh negara-negara Commonwealth di Asia termasuk Malaysia, disebabkan oleh kemasukan United Kingdom ke E.E.C., Malaysia telah mengemukakan beberapa memorandum kepada E.E.C. untuk memperbaiki perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara E.E.C. Sebagai menyambut permintaan Malaysia, pihak E.E.C. telah mengambil berbagai langkah untuk mengatasi beberapa masaalah perdagangan yang dihadapi oleh Malaysia di dalam E.E.C. dengan mengurangkan kadar cukai impot bahan-bahan yang penting kepada Malaysia seperti minyak kelapa sawit, minyak isi kelapa sawit, minyak kelapa, nenas dalam tin, kayu lapis dan lada hitam.

Dalam masa yang sama, perbincangan serta perundingan secara “bilateral” terus diadakan di antara Malaysia dan E.E.C. diperingkat Menteri juga diperingkat pegawai dengan tujuan untuk mempereratkan lagi perhubungan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara E.E.C. Malaysia juga sedang merundingkan satu peraturan mengenai eksport barang-barang kraftangan untuk melayakkan Malaysia mendapat quota tambahan tanpa cukai di bawah peraturan E.E.C. mengenai impot barang-barang kraftangan kepada E.E.C.

Untuk menambah lagi eksport Malaysia ke negara-negara E.E.C. Malaysia telah mengambil bahagian di beberapa pameran perdagangan dan menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke E.E.C. khasnya untuk memajukan penjualan secara terus beberapa barang keluaran Malaysia yang tertentu dan juga untuk mengadakan hubungan

dengan Persatuan-persatuan Perdagangan dan Perindustrian, pekilang-pekilang dan juga pengimpot-pengimpot di sana.

Tindakan secara bersama dengan lain-lain negara ASEAN telah dibuat untuk mengatasi masalah-masalah perdagangan di antara ASEAN dan E.E.C. Untuk tujuan ini, satu Jawatankuasa Penyelaras Khas bagi ASEAN ataupun Special Co-ordinating Committee of ASEAN (S.C.C.A.N.) telah ditubuhkan di dalam tahun 1971. Untuk membantu badan ini mengadakan dialog dengan E.E.C., satu Jawatankuasa ASEAN-Brussels ataupun ASEAN-Brussels Committee (A.B.C.) telah ditubuhkan mengandungi wakil negara-negara ASEAN yang ditauliahkan ke E.E.C. di Brussels.

Melalui S.C.C.A.N. dan A.B.C. ASEAN telah mengadakan beberapa perwakilan secara bersama dan pihak E.E.C. telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi beberapa masalah yang dikemukakan.

Selain dari itu, beberapa Mesyuarat serta pertukaran pendapat telah diadakan dengan E.E.C. diperingkat Menteri dan juga diperingkat pegawai. Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah menghasilkan penubuhan Badan Pengkaji Bersama ASEAN-E.E.C. Commission atau Joint ASEAN-E.E.C. Commission Study Group dalam bulan Mei, 1975 untuk mengkaji segala kemungkinan kerjasama di antara ASEAN dan E.E.C. Mesyuarat Pertama Badan Pengkaji Bersama ini telah diadakan dalam bulan Jun, 1975 dan mesyuarat-mesyuarat selanjutnya telahpun dijadualkan. Adalah dijangkakan bahawa Badan ini akan menjadi asas kepada perhubungan di antara ASEAN dan juga Malaysia dengan E.E.C. di masa yang akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan di antara Kerajaan dengan satu rombongan E.E.C. yang ada membuat lawatan ke Malaysia baru-baru ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, satu rombongan Ahli-ahli Parlimen E.E.C. telah melawat negara ini selaras dengan rancangan lawatan untuk Ahli-ahli Parlimen, Pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia, negeri-negeri ASEAN dan negara-negara E.E.C. Pada

masa lawatan rombongan Ahli-ahli Parlimen E.E.C. ini perbincangan telah diadakan di antara mereka dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan termasuk Kementerian saya dan di dalam perundingan itu kita telah membangkit dan membincangkan banyak masalah-masalah yang wujud atau membangkit yang mungkin menghalang kelancaran perjalanan perdagangan di antara ASEAN, khususnya Malaysia dengan negara-negara E.E.C. Kita berharap wakil-wakil dalam rombongan ini yang mengandungi orang-orang berpengaruh akan dapat mempengaruhi bukan sahaja Parlimen E.E.C., bahkan negara-negara yang diwakilinya dalam badan itu untuk menolong kita mengatasi masalah-masalah perdagangan yang kita alami pada masa ini dan pada masa akan datang antara Malaysia dengan E.E.C.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjelaskan bahawa satu rombongan terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen E.E.C. telah melawat negara kita. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Kementerian-nya bercadang untuk menghantar satu rombongan terdiri daripada semua pihak dalam Dewan ini melawat negara-negara E.E.C. supaya kitapun boleh menerangkan dan menjelaskan apa-apa masalah perniagaan atau perdagangan antara E.E.C. dan Malaysia yang mereka hadapi.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini memang ada. Buat permulaannya satu lawatan rombongan Ahli-ahli Parlimen Negara ASEAN akan diadakan dalam mana saya percaya wakil-wakil daripada Dewan yang berbahagia ini akan turut serta bagi mewakili Malaysia di dalam rombongan yang akan melawat negara-negara ASEAN ini dan selepas itu kita mungkin pula mengatur, kalau boleh, satu rombongan khas daripada Dewan ini untuk melawat negara-negara E.E.C.

DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL BUKIT MERTA JAM

3. **Tuan Tan Cheng Bee** bertanya kepada Menteri Kesihatan memandangkan bahawa Hospital Bukit Mertajam melayani pesakit-pesakit dari Daerah Kulim (Kedah Selatan) dan Daerah Krian (Perak Utara) dan juga

bagi seluruh Seberang Perai, Hospital ini masih lagi jauh berkurangan bilangan Doktor-doktor yang diperuntukkan perjawatannya. Adakah Menteri akan menambatkan bilangan Doktor-doktor ke angka sekurang-kurangnya 18 orang jika tidak 20 orang seperti mana yang diperuntukkan perjawatan yang penuh.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa bilangan doktor-doktor di Hospital Bukit Mertajam masih jauh berkurangan. Bilangan doktor-doktor yang ada sekarang ialah 14 manakala jumlah jawatan-jawatan yang ada ialah 15. Ini bermakna cuma ada 1 kekosongan sahaja. Di sebaliknya pula, Hospital Besar Pulau Pinang mempunyai sejumlah 105 jawatan tetapi bilangan doktor yang ada cuma 79 orang, bermakna hanya 75% sahaja daripada jawatan-jawatan ini telah diisi. Sejumlah besar hospital-hospital di negara ini masih lagi kekurangan doktor-doktor. Jika dibandingkan, kedudukan di Hospital Bukit Mertajam adalah jauh lebih baik daripada kedudukan di Hospital Besar Pulau Pinang dan hospital-hospital lain di negara ini. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak bercadang hendak menambahkan lagi bilangan jawatan doktor di Hospital itu pada waktu ini.

GURU KEKURANGAN DI KELANTAN

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa negeri Kelantan kekurangan lebih kurang 800 orang guru tiap-tiap tahun, manakala di setengah negeri di Pantai Barat seperti Pulau Pinang dan Selangor tidak begitu teruk mengalami kekurangan guru. Jika sedar, adakah Kementerian Pelajaran akan melebihi bilangan guru-guru kelulusan maktab dan universiti dihantar ke negeri Kelantan di masa akan datang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang menyedari bahawa Negeri Kelantan kekurangan guru-guru pada tiap-tiap tahun, khasnya di sekolah-sekolah menengah. Sungguhpun begitu, Kementerian Pelajaran berasa puas hati mengenai kedudukan bilangan guru-guru di sekolah-sekolah rendah. Keadaan

seperti ini memang berlaku juga di negeri-negeri di Pantai Barat, umpamanya, pada tahun 1975 Negeri Selangor sahaja memerlukan lebih kurang 1,800 orang guru-guru. Untuk mengatasi kesulitan ini, Kementerian Pelajaran apabila menempatkan guru-guru baru di tiap-tiap hujung tahun akan membahagi-bahagikan guru-guru baru ini pada negeri-negeri dengan adil dan dengan kadar yang seimbang mengikut keperluan negeri masing-masing. Ingin saya tegaskan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk membahagi-bahagikan guru-guru ini kepada negeri-negeri sehingga tiap-tiap negeri akhirnya akan mempunyai peratus guru-guru terlatih yang sama.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kerumitan-kerumitan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah pihak Kementerian sedar bahawa kebanyakan daripada guru-guru yang berasal dari Pantai Barat tidak mahu pergi ke Kelantan kerana kesulitan-kesulitan yang bakal dihadapi oleh mereka tentang perjalanan, rumah dan sebagainya. Adakah pihak Kementerian bercadang, umpamanya untuk mengatasi masalah ini, khususnya di Kelantan mengembalikan semua pelatih-pelatih atau guru-guru yang terlatih itu ke Kelantan dan begitu juga siswazah-siswazah yang begitu ramai berasal dari Kelantan supaya kembali untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ini menjadi dasar Kementerian Pelajaran sekarang tetapi kadangkala perkara-perkara ini tentulah kita selalu dapat rayuan-rayuan daripada guru-guru hendak bertugas di Pantai Barat, tetapi pihak Kementerian Pelajaran selalu mengingatkan negeri-negeri di Pantai Timur, khasnya Negeri Kelantan, Trengganu dan juga Pahang supaya mereka dapat balik ke negeri-negeri itu dan kita dapat tahu banyak guru-guru, khasnya daripada Negeri Kelantan sekarang berkhidmat di negeri-negeri yang lain di Pantai Barat. Jadi memanglah ini menjadi satu dasar Kementerian Pelajaran supaya kita boleh menempatkan mereka kepada negeri-negeri di Pantai Timur itu.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan yang lain. Adakah pihak Kementerian bercadang umpamanya untuk mengadakan mutual transfer antara guru-guru

yang berasal dari Pantai Barat dengan guru-guru yang berasal daripada Pantai Timur kerana kita lihat banyak kejadian berlaku, iaitu kalau seseorang guru itu akan ditugaskan di Pantai Timur umpamanya mereka selalu berkira ikut cara-cara lain supaya mereka tidak dapat pergi. Adakah patut pihak Kementerian mencuba buat mutual transfer supaya keadaan kesulitan di Kelantan yang begitu sekali tertinggal dalam semua bidang ini dapat diatasi.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, cara mutual transfer ini memanglah baik tetapi kita mestilah menimbangkan perkara ini dengan teliti oleh kerana jikalau kita tidak menjalankan dengan teliti dan dengan satu keikhlasan akan menimbulkan perkara-perkara yang lain. Ini saya fikir pihak Kementerian Pelajaran akan menggunakan cara-cara berdasarkan pengalaman mengenai mutual transfer ini, jadi tidak payah saya sebutkan dalam Dewan ini. Walau bagaimanapun, memang menjadi sebahagian daripada dasar Kementerian Pelajaran iaitu mutual transfer ini kalau ada sesiapa yang berminat dan juga berkehendak barangkali kita boleh timbangkan dengan teliti sebelum kita membenarkan satu-satu kes itu.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan samada Menteriannya sadar atau tidak sebabnya ramai di antara, guru-guru yang enggan berkhidmat di Pantai Timur ialah salah satu daripada sebab kerana mereka selalu berkata kalau sudah dihantar ke Pantai Timur dan di-hantar ke sekolah-sekolah yang jauh daripada bandar, mereka tidak dipedulikan langsung dan tidak ada hubungan dengan pihak Kementerian dan daripada Ibu Pejabat. Dalam perkara ini adakah Kementerian Pelajaran bercadang mengadakan satu sistem yang dipanggil rotation system supaya guru-guru ini diberi peluang bertukar di antara satu tempat ke satu tempat.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pelajaran memang ada rotation system itu, tetapi seperti yang saya katakan tadi kita pun manusia biasa, barangkali kadang-kadang kalau ada tempat yang istimewa, yang ada kelengkapan atau kemudahan yang baik

suka tinggal di tempat itu. Tetapi walau bagaimanapun, sebahagian pihak guru-guru terlatih itu sebelum mereka ditempatkan di kawasan-kawasan atau sekolah masing-masing mereka mestilah buat satu perjanjian dengan Kementerian iaitu mereka kalau ditempatkan mana-mana tempat dalam Malaysia mereka mesti pergi, kerana pada masa itu mereka berkehendakkan latihan semuanya setuju, apa keadaan pun dipersetujui. Tetapi bila mereka pergi dari satu tempat ke satu tempat barangkali perhubungan tidak berapa mudah mereka membuat rayuan. Kita berharap kepada guru-guru terlatih boleh memberi keikhlasan kejujuran bagi perkhidmatan pelajaran dan kalau boleh mereka bersabar sedikit barangkali bila mereka mematuhi perjanjian itu mereka akan berpeluang balik ke tempat masing-masing. Kementerian Pelajaran ada rotation system.

DADAH-DADAH DIRAMPAS

5. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tindakan yang diambil atas dadah-dadah yang dirampas selama ini iaitu samada ianya dibinasakan dengan serta-merta atau dihipun untuk dibinasakan kemudian; dan
- (b) samada beliau dapat memberi jaminan bahawa dadah itu tidak hilang seperti mana yang berlaku di setengah-setengah negara lain.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu suka-lah saya menjawab dadah-dadah yang dirampas bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian:

- (1) Dadah yang dirampas dengan tangkapan; dan
- (2) Dadah yang dirampas dengan tiada tangkapan.

Tindakan untuk memusnahkan dadah yang dirampas dengan tangkapan akan dijalankan selepas tamat perbicaraan dan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Bagi dadah yang dirampas dengan tiada tangkapan akan dimusnahkan selepas siasatan tamat. Seorang pegawai akan ditugaskan untuk mengawasi pemusnahan bahan-bahan tersebut samada dibakar ataupun dibuang ke laut.

Berkenaan dengan candu mentah yang dirampas samada dengan tangkapan atau tidak akan dirujuk kepada Jabatan Kimia untuk mengetahui samada sesuai digunakan di bidang perubatan. Kiranya boleh digunakan untuk tujuan perubatan bahan-bahan tersebut akan dihantar kepada Pengarah Perubatan Negeri-negeri yang berkenaan di mana bahan-bahan itu dirampas. Sekiranya tidak bahan-bahan tersebut akan dimusnahkan.

Semua dadah yang dirampas disimpan di bilik khas (strong room) yang dibina dengan teguh dan berpintu besi. Simpanan seperti ini adalah terjamin keselamatannya.

KHOO EE LIAM—TAHANAN

6. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bilakah Sdr. Khoo Ee Liam ditahan dan pada masa sekarang beliau masih ditahan atau tidak. Jika ya, adakah benar beliau diugut dan dipukul dalam tahanannya dan kesihatannya tidak baik.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Sdr. Khoo Ee Liam telah ditahan semenjak 29-4-74 di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dan pada masa sekarang beliau masih dalam tahanan. Adalah tidak benar beliau telah diugut dan dipukul semasa-semasa penahannya. Ini dapat dibuktikan dari tidak adanya apa-apa aduan mengenainya yang diterima baik daripada peguam, ibubapa atau lain-lain keluarga.

Mengenai kesihatannya, beliau adalah kurang sihat dan ini adalah akibat daripada penyakit yang telah sedia ada padanya dari sejak sebelum ditahan lagi. Walau bagaimanapun, penyakitnya adalah sentiasa dalam rawatan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa saudara Khoo Ee Liam sekarang ditahan di mana, di Taiping, di Batu Gajah, Di Muar, di Kuching atau di Kota Kinabalu atau di Rumah Sakit Bahagia Tanjong Rambutan?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, dia sekarang sedang dirawat di hospital.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa berapa lama saudara Khoo Ee Liam telah dirawat di hospital dan berapa lama beliau akan dijangka dirawat di hospital itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau hendak jawab soal yang pertama itu boleh tetapi soal yang keduanya tidak tahulah, terpulang kepada doktor samada dia boleh sembuh lekas atau tidak penyakit itu. Bahagian pertama sila Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerangkan di sini bila dia dirawat tetapi kalau Yang Berhormat berkehendakkan bolehlah diberitahu kemudian.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan beliau tidak diugut dan tidak dipukul. Kalau sekiranya kata beliau itu benar, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan jelaskan bahawa apa sebab saudara Khoo telah dihantar ke Rumah Sakit Bahagia untuk dirawat di sana. Biasanya pada pendapat saya kalau sekiranya seorang itu ditahan di manamana tempat itu mereka kalau sebelum ditahan sihat mereka tidak dihantar ke hospital mana-manapun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu saya tidak benarkan dijawab, kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 24 (4) menyatakan sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa kekurangan kesihatan saudara Khoo Ee Liam ialah oleh kerana dia ada penyakit sebelum ditahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada saudara Khoo Ee Liam ada penyakit mental sebelum dia ditahan oleh kerana sekarang ini dia dirawat atas penyakit mental.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Menteri tidak boleh menjawab penyakit mental ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah beliau confirm perkara ini yang berpunca daripada jawapannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab, boleh menjawab. Kalau berkehendakkan notis, boleh.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Seperti yang saya katakan tadi dia ada penyakit sebelum ditahan. Itu sahaja.

Dr Tan Chee Khoo: Tadi saya bertanya Menteri yang berkenaan telah menyatakan saudara Khoo Ee Liam telah dihantar ke Rumah Sakit Bahagia. Saya hendak bertanya kepada beliau apa sebab saudara Khoo Ee Liam telah dihantar ke Rumah Sakit Bahagia dan apa penyakitnya.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya tak kata tadi Rumah Sakit Bahagia. Saya kata tadi dia dirawat di rumah sakit. Jadi, saya tidak dapat menjelaskan di sini apa penyakitnya. Itu berkehendakkan notis daripada doktor yang merawatnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu kenyataan dengan terang, adakah beliau ini dirawat dalam Rumah Sakit Bahagia, sekiranya dia tidak boleh confirm atau mengakui ini menunjukkan bahawa dia ada dalam Rumah Sakit Bahagia.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Itu saya sudah jawab tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan di mana tempat saudara Khoo Ee Liam ditahan sekarang, adakah perkara itu dirahsiakan, kalau ya, mengapa perkara itu dirahsiakan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau perkara rahsia di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (f) memang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah menjawab. Tetapi kalau tidak, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tanpa keterangan atas perkara yang sangat simple ini dengan adanya saudara Khoo Ee Liam dalam Rumah Sakit Bahagia sudah tentu tidak boleh mengelakkan orang ramai

dan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada membuat satu kesimpulan bahawa ada perkara yang disembunyikan oleh Kerajaan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tidak ada perkara yang disembunyikan, yang tahu perkara ini ialah keluarganya sahaja.

PEMBELI RUMAH

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar sebilangan besar pembeli rumah selalu diperdaya oleh syarikat pemaju perumahan, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan amalan-amalan yang tidak baik ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa "Sebilangan besar pembeli rumah selalu diperdaya oleh syarikat pemaju perumahan" adalah satu kenyataan yang umum dan, jika dibaca dalam konteks Peraturan Majlis Mesyuarat, Bil. 23 (1) (b) memberi erti bahawa beliau boleh membuktikan kenyataan itu dan bertanggungjawab terhadap kebenarannya. Namun demikian, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa dalam usaha mentadbirkan Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1966 dan Kaedah-kaedah yang dikanunkan di bawahnya, Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan, dan akan terus bertindak, dengan sewajarnya terhadap mana-mana pemaju perumahan yang didapati menjalankan urusan-niaga mereka dengan tidak bertanggungjawab ataupun secara yang boleh mengancam kepentingan sah pihak pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui bahawa ada kes-kes di mana pembeli-pembeli rumah, menurut perkataan Ahli Yang Berhormat itu sendiri, telah terpedaya oleh pemaju perumahan, maka sewajarnya beliau berbuat salah satu atau kedua-dua perkara berikut ini:

- (a) memberi Kementerian saya nama pemaju atau taman perumahan yang berkenaan serta keadaan mengenai kecurangan yang dilakukan; dan
- (b) menasihatkan pembeli-pembeli perumahan yang terpedaya itu melaporkan ke balai polis yang berdekatan di mana kecurangan yang dikatakan itu telah berlaku;

supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil terhadap pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab itu.

KAJIAN MENGENAI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

8. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau akan menubuhkan sebuah "Jawatankuasa Khas" untuk mengkaji semua perkara-perkara yang bersangkutan dengan pembangunan, penyusunan alam sekitar kesihatan, pelajaran, perhubungan dan perkembangan penduduk-penduduk 900 buah kampung-kampung baru yang terdapat di dalam negara ini serta men cadangkan skim-sekim yang tertentu untuk faedah kampung-kampung baru ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka menyatakan bahawa bilangan Kampung-kampung Baru di negara ini ialah 465 buah dan bukannya 900 sebagai dinyatakan di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu.

Kajian seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu pernah dilaksanakan bagi Kampung-kampung Baru, tetapi kajian itu terhad, kerana telah didapati bahawa di masa-masa yang lampau tidak ada badan yang sesuai di peringkat Kampung-kampung Baru yang boleh memberi maklumat sewajarnya.

Yang demikian, baru-baru ini Kerajaan telah mengarahkan semua Kampung-kampung Baru menerusi Kerajaan Negeri supaya menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J.K.K.K.). Fungsi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung itu ialah untuk mengkaji dan merancang apa-apa projek pembangunan di Kampung-kampung Baru mereka dan hasil kajian dan rancangan mereka itu akan dikemukakan kepada Kementerian ini untuk mendapatkan pertimbangan. Jika didapati bahawa rancangan-rancangan itu sesuai dan menasabah, Kampung-kampung Baru itu akan diberi kelulusan dan bantuan wang untuk melaksanakannya. Memandangkan bahawa tugas-tugas yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung itu melibatkan jua tugas-tugas yang dicadangkan untuk "Jawatankuasa Khas" yang disyorkan itu, maka Kementerian

ini tidak bercadang hendak menubuhkan "Jawatankuasa Khas" seperti disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LAPANGAN TERBANG TAWAU

9. Tuan Alex Pang Sui Chee minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilakah landasan kapalterbang yang ada sekarang di lapanganterbang Tawau diperluaskan untuk membolehkan Boeing 737 mendarat di sana;
- (b) adakah beliau sedar tentang bertambahnya angka penumpang-penumpang dan kekurangan tempat duduk yang ada di kapalterbang Fokker Friendship; dan
- (c) mengapakah tambang kapalterbang di kebanyakan sektor di Malaysia Timur lebih mahal daripada di Semenanjung Malaysia, adakah ini kerana tidak adanya cara perjalanan yang lain yakni tidak adanya jalanraya-jalanraya yang sempurna maka tambang-tambang yang lebih harus dikenakan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kawasan sekitar Lapanganterbang di Tawau tidak ada tempat yang sesuai bahkan mempunyai tanah-tanah berbukit-bukit tinggi, serta galangan-galangan fizikal bagi pergerakan pesawat jenis Boeing 737, dan yang demikian lapanganterbang tersebut bagi maksud untuk pendaratan B 737 tidak ada kemungkinan dapat dibina. Satu kajian teliti adalah perlu dibuat bagi menjalankan beberapa ujian, dan siasatan sukat yang mendalam terlebih dahulu sebelum dapat diambil apa-apa keputusannya.
- (b) Angka-angka trafik di negeri Sabah/ Sarawak pada umumnya telah merosot yang menyebabkan kekurangan angka tempat duduk (seat factor) yang rendah daripada angka-angka yang dapat dicapai pada tahun yang sudah-sudah. Ini berlaku adalah disebabkan pada umumnya kerana kemerosotan ekonomi dunia. Faktor muatan sebanyak 58% telah dapat dicapai dalam tahun 1974-1975 berbanding dengan angka dalam masa 6 bulan dari bulan April hingga bulan Oktober, 1975 di mana angka itu hanya 55%. Asas perkiraan untuk

tambahan dan pengurangan tempat-tempat duduk adalah bergantung atas keperluan traffic.

- (c) Kadar tambang bagi Semenanjung Malaysia samalah sahaja perbandingan dengan kadar tambang di Sabah dan Sarawak. Kadar tambang penerbangan tempatan Semenanjung Malaysia adalah dikira di antara 30 sen hingga 38 sen pada tiap-tiap satu batu pada hal bagi kadar tambang penerbangan di Sabah, Sarawak adalah dikira 28 sen hingga 38 sen pada satu batu, misalnya Kuala Lumpur ke Pulau Pinang kadar tambang adalah dikira sebanyak 32 sen pada satu batu bagi pesawat F 27 dan sebanyak 35 sen pada satu batu bagi B 737 sedangkan kadar purata bagi penerbangan jenis F 27 dan B 737 di antara Kota Kinabalu dan Kuching adalah sebanyak 28 sen pada satu batu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng. Tak ada.

(Soalan No. 10 Yang Berhormat Puan Chow Poh Kheng tidak hadir)

TAHANAN DATUK JAMES WONG

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) samada Lembaga Penasihat Rayuan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah mengkaji semula penahanan Datuk James Wong, dan jika ya, nyatakan perakuan Lembaga tersebut; dan
- (ii) samada beliau sedar bahawa tuduhan atas tahanan Datuk James Wong bahawa beliau telah berpakat dengan Kerajaan Sultan Brunei untuk mengembalikannya Limbang kepadanya adalah tidak menasabah dan mengapa Kerajaan tidak mendakwa beliau (Datuk James Wong) di mahkamah terbuka supaya Datuk James Wong boleh membuktikan bahawa beliau tidak bersalah ataupun bebaskan beliau.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Penahanan Datuk James Wong telah pun dikaji oleh Lembaga Penasihat. Suka saya memaklumkan bahawa

Lembaga Penasihat adalah bertanggungjawab membuat perakuan kepada Yang di-Pertuan Agong. Keputusan muktamad terhadap nasihat yang dibuat oleh Lembaga itu adalah terletak dalam tangan Yang di-Pertuan Agong sendiri. Oleh yang demikian, maka tidaklah wajar bagi saya mengumumkan yang telah dibuat oleh Lembaga Penasihat itu.

- (ii) Penahanan Datuk James Wong adalah berasaskan kepada bukti-bukti yang cukup. Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak memperuntukkan supaya seorang yang ditahan di bawah Akta ini dikemukakan dalam mahkamah.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa penahanan Datuk James Wong berasaskan kepada bukti-bukti yang cukup. Sekiranya ada bukti-bukti yang cukup mengapa Kerajaan tidak berani mengadakan satu perbicaraan yang terbuka.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, penahanan beliau ini adalah dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, yang demikian tidak perlu dibawa ke mahkamah.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah benar Lembaga Penasihat Rayuan Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini telah bermesyuarat pada 3hb November. Saya juga hendak tanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan Lembaga tersebut telah mencadangkan Datuk James Wong dibebaskan. Jika benar bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan mengapa cadangan itu tidak diterima oleh Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyatakan beliau tidak dapat memberitahu apa perakuan daripada Lembaga Penasihat. Jadi, tidak payahlah tanya lagi cuma membuang masa Majlis ini sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukan mengenai Lembaga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Maaf, wakil dari Baram.

Tuan Patrick Anek Uren: Dari Bau-Lundu!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, wakil dari Bau-Lundu. Mengapa duduk tempat lain, duduk tempat itulah, satu tempat cukup untuk seorang.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa Lembaga Penasihat Rayuan Akta Keselamatan Dalam Negeri telah mengkaji hal penahanan Datuk James Wong. Saya hendak bertanya jika Lembaga ini merayu kepada Kerajaan untuk membebaskan Datuk James Wong adakah Kerajaan akan bertindak demikian?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sukar bagi Yang Berhormat Menteri hendak menjawab anticipation. Tidak boleh bertanya dengan cara begitu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan walaupun mengakui mempunyai bukti-bukti yang cukup untuk menahan Datuk James Wong tetapi kerana tidak mahu mengadakan satu pembicaraan yang terbuka adalah menyalahgunakan kuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini pun tidak payah dijawab.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa Datuk James Wong telah dua kali dibawa ke Lembaga Penasihat Rayuan Akta Keselamatan Dalam Negeri, baru-baru ini saya telah diberitahu pada 3hb November, 1975. Jadi, walaupun Timbalan Menteri tidak mengakui, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan berapa lama lagi Datuk James Wong akan ditahan sebelum beliau dibebaskan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu hanya membuat "tangkap wap" sahaja. Sebenarnya, Datuk James Wong ini adalah di bawah Lembaga Penasihat yang telah mengkaji mengenai masalaahnya pada 6hb Mei, 1975. Jadi, berapa lama lagi dia ditahan, itu bergantunglah kepada keadaan dan recommendation yang diberikan oleh Lembaga Penasihat itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Setengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bukan "tangkap wap" sahaja, dia "tembak". Itu terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri.

PENUNTUT BERSIKAP BERDIKARI

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa sukatan pelajaran sekarang ini melahirkan penuntut-penuntut yang gemar kepada makan gaji daripada bekerja sendiri. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang mengubah sistem pelajaran untuk melahirkan penuntut-penuntut yang bersikap berdikari dan hidup atas perusahaan sendiri.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ramai penuntut-penuntut yang gemar kepada makan gaji daripada bekerja sendiri, semenjak belum merdeka lagi. Oleh itu Kerajaan telah dan sedang berusaha untuk mengurangkan kecenderungan ini di kalangan penuntut-penuntut dengan mengubahsuaikan sistem pelajaran di negara ini kepada aliran dan kehendak zaman. Dengan demikian, sistem pelajaran tersebut akan dapat melahirkan penuntut-penuntut yang bersikap berdikari dan hidup atas perusahaan sendiri.

Pada tahun 1964, Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokesyenal di Kementerian Pelajaran. Bahagian ini telah mengambil langkah-langkah untuk:

- (a) menggalakkan sikap, tabiat serta pengetahuan yang mana membina yang boleh mengujudkan ciri-ciri perwatakan yang berdikari dan bertanggungjawab;
- (b) berusaha menolong penuntut-penuntut, cara-cara menyesuaikan diri mereka kepada peringkat-peringkat perindustrian dan perdagangan moden yang sedang berkembang dengan pesatnya.
- (c) berusaha melengkapkan penuntut-penuntut melalui pengajian perdagangan dengan cara-cara untuk berniaga sendiri, sekiranya mereka memilih untuk berbuat demikian.

Langkah-langkah ini boleh dilihat dengan terdapatnya berbagai-bagai sukatan pelajaran dan sekolah-sekolah seperti berikut:

(i) *Kurikulum Anika Jurusan di peringkat Menengah Rendah—1965*

Matapelajarannya ialah:

- (a) Seni Perusahaan
- (b) Sains Pertanian
- (c) Pengajian Perdagangan, dan
- (d) Sains Rumahtangga

Hasilnya menjelang tahun 1974:

<i>Matapelajaran</i>	<i>Bilangan Murid</i>
(a) Seni Perusahaan	123,727
(b) Sains Pertanian	85,199
(c) Pengajian Perdagangan ...	80,390
(d) Sains Rumahtangga ...	134,695

(ii) *Sekolah Menengah Teknik*

Kursus-kursus selain daripada mata-pelajaran biasa di peringkat Menengah Atas:

- (a) Kursus Pembinaan
- (b) Kursus Mekanikal
- (c) Kursus Perdagangan, dan
- (d) Kursus Sains Pertanian

Hasilnya menjelang tahun 1974:

<i>Bilangan Sekolah</i>	<i>Bilangan Murid</i>
8 buah	3,719

(iii) *Sekolah Menengah Vokesyenal*

Jenis kursus selain daripada mata-pelajaran biasa di peringkat Menengah Atas:

- (a) Kejuruteraan
- (b) Perniagaan
- (c) Pertanian
- (d) Perdagangan
- (e) Sains Rumahtangga

Hasilnya menjelang tahun 1974:

<i>Bilangan Sekolah</i>	<i>Bilangan Murid</i>
18 buah	7,440

(iv) *Politeknik*

Kursus-kursus yang disediakan:

- (a) Kejuruteraan (11 jenis)
- (b) Perdagangan (2 jenis)
- (c) Akauntansi

Bilangan yang dirancangkan:

2 buah Politeknik.

Hasilnya menjelang tahun 1974:

1 buah Politeknik.

Bilangan penuntut menjelang tahun 1974:

1,201 orang.

Dengan langkah-langkah serta perubahan seperti ini, Kerajaan berharap lebih ramai lagi penuntut-penuntut yang akan gemar bekerja sendiri daripada makan gaji sahaja.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Sekolah-sekolah Vokesyenal yang didirikan itu kebanyakannya semua dalam bandar sahaja, mengapa tidak di luar bandar?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kemampuan negara kita, kita hanya mendirikan di bandar dahulu. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Ketiga kalau keadaan kewangan negara mengizinkan, barangkali kita akan membanyakkan sekolah-sekolah seperti itu di luar bandar.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau benar Kementerian ini hendak menggalakkan penduduk-penduduk di negara ini supaya berdikari tentulah tidak banyak didirikan sekolah-sekolah itu di bandar-bandar sahaja. Soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk membanyakkan sekolah-sekolah ini terutama sekali di Pantai Timur dan Pantai Barat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**IBU PEJABAT POLIS
DAERAH BALING**

13. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan projek membangun sebuah Ibu-pejabat Polis di Raja Malaysia dan lain-lain

bangunan di pekan Baling itu terbengkalai sejak hampir setahun yang lalu dan adakah kelambatan pembinaan bangunan-bangunan ini akan sentiasa merumitkan kerja-kerja pentadbiran seharian jabatan itu.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah maklumkan dalam Persidangan Dewan ini pada bulan Julai pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Baling telah terbengkalai kerana kontraktor yang diberi kerja itu telah tidak dapat meneruskan kerja-kerjanya, maka oleh itu kontraknya telah ditamatkan. Sekarang ini pihak Jabatan Kerja Raya sedang mengurus untuk memanggil tender baharu. Kelambatan menyediakan bangunan Ibu Pejabat Polis itu memanglah merumitkan kerja-kerja Polis. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan apabila tender baharu dikeluarkan kerja ini dapatlah diuruskan dengan lebih sempurna dan disiapkan dengan secepat mungkin.

TANAMAN TEMBAKAU

14. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Perusahaan Utama, menyatakan, memandangkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh penanam-penanam dan pengusaha-pengusaha tembakau di negeri Kelantan dan memandangkan perusahaan itu telah begitu banyak di negeri itu, samada Kerajaan menerusi Lembaga Tembakau Negara bercadang untuk membawa keluar perusahaan itu ke negeri-negeri lain di Malaysia dan sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak penanaman tembakau dijalankan di negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang selain dari negeri Kelantan, tanaman tembakau telah pun merebak ke negeri-negeri Kedah, Perlis, Trengganu, Pahang, Melaka, Negri Sembilan dan Johor. Keadaan ini adalah disebabkan bahawa permintaan tembakau tempatan masih lagi melebihi pengeluaran. Walau bagaimanapun Kerajaan sangat sedar bahawa sekiranya perusahaan tanaman tembakau ini tidak dikawal dan berleluasa tanpa mengira keadaan permintaan dan pengeluaran yang akan berubah dari masa ke semasa, mutu dan sebagainya, ada kemungkinan penanam-penanam tembakau akan hampa kerana tidak mendapat pendapatan yang diharapkan oleh mereka.

Berasaskan kepada itulah, maka Kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara sedang mengambil beberapa langkah untuk memperkemaskan pengawalan perkembangan perusahaan ini. Di dalam hal ini selain dari Lembaga Tembakau Negara sendiri Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Pejabat-pejabat Tanah dan Jabatan Pertanian terlibat untuk memastikan kejayaan apa-apa juga rancangan Lembaga Tembakau Negara ke arah mencapai matlamat ini.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pada tahun 1975 keluasan yang ditanam dengan tembakau di negeri Kelantan dan Besut ialah kira-kira 21,000 ekar jika dibandingkan dengan keluasan pada tahun 1970 iaitu kira-kira 4,790 ekar. Pengeluarannya juga telah bertambah dari kira-kira 3.69 juta paun pada tahun 1970 kepada kira-kira 15.5 juta paun pada tahun 1975. Perusahaan ini juga telah dapat memberi sumber pendapatan yang bertambah dan menyediakan pekerjaan yang lebih banyak terutamanya kepada penduduk luar bandar.

Dalam beberapa tahun yang lepas tanamati tembakau berkembang begitu meluas hingga pihak Lembaga Tembakau Negara merasa bimbang dengan keadaan demikian. Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk menasihatkan sesiapa yang suka berkecimpung dalam perusahaan ini supaya meminta nasihat dan kelulusan daripada Lembaga Tembakau Negara terlebih dahulu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa Kementeriannya telah mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi mengatasi kemerosotan hasil perusahaan tembakau ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Lembaga Tembakau Negara bagi mengatasi kesulitan yang disebutkan itu?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, harga tembakau sekarang adalah memuaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah puas hati?

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan

bahawa permintaan (demand) masih ada lagi daripada pengusaha-pengusaha dari luar negeri dan sebagainya. Jadi kalau demikian kenapakah quota dikenakan kepada penanam-penanam umpamanya di Kelantan, sebab perusahaan ini memberikan peluang kepada rakyat jelata menambahkan pendapatan lagi, sekiranya ada permintaan itu, kenapa quota itu dibuat?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini adalah berhubung dengan permintaan tembakau di negara kita.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menamakan beberapa buah negeri di mana penanaman tembakau ini telah merebak, tetapi jikalau tidak salah saya tidak termasuk negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sebarang penerangan sebab-sebabnya kalau ada, kenapa penanaman tembakau tidak merebak ke Pulau Pinang dan Seberang Prai, samada diberi galakan atau apakah sebabnya?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa masalah perusahaan tembakau ini adalah masalah rumit dan masalah yang menyulitkan pada pengusaha dan penanam. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pegawai-pegawai yang bertugas di bawah Lembaga ini tidak cukup khasnya di Trengganu, atau mereka tidak boleh memberi nasihat dengan memuaskan kepada penanam-penanam tembakau sehingga ada setengah-setengah penanam tembakau menanam dengan kurang memuaskan, dan kadang-kadang terpaksa apakah disalai daunnya, menjadi keadaan daunnya tidak baik. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, dan apakah tindakan Kerajaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini sebenarnya soalan lain.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa langkah-langkah telah

diambil bagi mengatasi kemerosotan ataupun kesulitan-kesulitan perusahaan tembakau ini. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar mengenai krisis pemasaran daun-daun tembakau yang berlaku baru-baru ini dan krisis itu berlarutan menjadi satu pertelingkahan yang besar dan menyebabkan pengusaha atau pengawit tembakau ini mempunyai kegelisahan yang amat sangat terutamanya mengenai soal menentukan kelas-kelas daun ini. Dan selain daripada masalah kepayahan, ada sahaja pihak pembeli-pembeli mencari jalan supaya daun tembakau yang dibeli mengikut kebiasaannya patut pihak company ini . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan saya yang pertama adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar yang sepatutnya yang telah diambil oleh pihak Kementerian ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Macam mana Timbalan Menteri hendak sedar, kerana soalan asasnya ialah memandangkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh penanam-penanam dan pengusaha-pengusaha tembakau di negeri Kelantan. Soalnya ialah tentang kejayaan. Jadi, Ahli Yang Berhormat bertanya pula seolah-olah perkara ini tidak berjaya, dan soalan ini tidak dapat dijawab.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada kedudukan di mana penanam tembakau ini telah merebak sebagaimana telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberi pengakuan bahawa usaha-usaha akan dijalankan menerusi Lembaga yang berkenaan supaya perusahaan menanam tembakau ini dapat direbakkan juga ke Seberang Prai dan Pulau Pinang.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, apabila pasaran tembakau dinaikkan kita boleh mengadakan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setelah perusahaan di Kelantan ini dapat kejayaan sekarang telah merebak ke negeri lain, khususnya di negeri jiran iaitu, Trengganu dan adakah Yang Berhormat sedar cara-cara Lembaga menentukan masa memungut daun dan masa membeli daun daripada pengawit dengan had yang pendek itu merumitkan dan mendatangkan kerugian kepada penanam dan pegawai tembakau. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menimbangkan cara yang lain yang boleh ditentukan oleh Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah pertanyaan tambahannya?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sekali lagi saya ulangi, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setelah kejayaan penanaman ini merebak ke seluruh negeri selain daripada Kelantan, maka timbul masalah yang penting sekarang ini ialah masa yang diberi oleh pihak Lembaga kepada penanam dan pengawit itu terlampau terhad iaitu misalnya saya sebutkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah misalannya, panjang sangat ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi, adakah Yang Berhormat sedar dan hendak menimbangkan supaya pada masa yang akan datang masa seperti 5 hari ini ataupun 10 hari jangan dikenakan, dan beri masa yang panjang.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Perkara itu akan dikaji.

MAS DAN BRUNEI AIRLINES— TAMBANG PENERBANGAN

15. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa tambang Penerbangan Brunei lebih murah dari tambang yang dikenakan oleh MAS, misalnya penerbangan dari Kota Kinabalu ke Singapura melalui Brunei dan dari Kota Kinabalu ke Hong Kong melalui Brunei;

- (b) adakah MAS juga akan menurunkan harga tambangnya untuk penerbangan dalam negeri oleh kerana MAS adalah sebuah syarikat penerbangan monopoli dalam Malaysia dan untuk membolehkan perhubungan yang murah antara satu tempat ke satu tempat; dan
- (c) apakah yang menyebabkan tambang MAS begitu mahal jika dibandingkan dengan Penerbangan Brunei.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenyataan bahawa tambang penerbangan yang ditetapkan oleh Royal Brunei Airlines lebih murah dari yang dikenakan oleh MAS, adalah tidak benar. Penumpang-penumpang yang mengikut penerbangan terus MAS dari Kota Kinabalu ke Singapura hanya perlu membayar tambang penerbangan Kota Kinabalu-Singapura. Penumpang-penumpang yang terbang melalui Brunei, akan dikehendaki membayar jumlah tambang penerbangan sektor Kota Kinabalu-Brunei dan Brunei-Singapura. Jumlah tambang penerbangan ini adalah sama sahaja dengan tambang yang ditetapkan oleh Royal Brunei Airways.
- (b) Dalam usaha untuk mencapai perhubungan yang lebih murah di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak, MAS telahpun memperkenalkan penerbangan murah malam, di antara Kuala Lumpur-Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur-Kuching. Kekurangan penerbangan-penerbangan ini telah ditambah secara progresif apabila permintaan-permintaan penumpang-penumpang bertambah. Dalam hal ini MAS telah mencadangkan penerbangan murah yang kelima di antara Kuala Lumpur-Kota Kinabalu yang akan dilaksanakan pada 15hb November, 1975.
- (c) Tambang penerbangan Royal Brunei Airlines di antara Brunei dan Kuching dan Brunei dan Kota Kinabalu adalah sama sahaja dengan tambang yang ditetapkan oleh MAS.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 10 dan No. 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

RANCANGAN TANAH UNTUK BELIAWANIS

10. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membahagi-bahagikan lebih banyak lagi tanah-tanah pertanian kepada wanita-wanita luar bandar, memandangkan bahawa tanah-tanah telahpun dibahagi-bahagikan kepada wanita-wanita di Negeri Johor, sebagai menyambut rancangan "Buku Hijau".

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Sehingga sekarang hanya Kerajaan Negeri Johor yang memulakan sebuah rancangan tanah khusus untuk beliawanis luar bandar. Samada Kerajaan akan membuka lebih banyak lagi rancangan-rancangan seumpama ini akan bergantung kepada kemajuan-kemajuan yang tercapai oleh projek beliawanis ini yang pada hari ini masih terlalu awal untuk diukur tentang kejayaannya.

PELABURAN SEMULA ATAS KEUNTUNGAN

16. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menahan pengeluaran keuntungan yang tinggi oleh ladang-ladang kepunyaan bangsa asing kerana membiayai kegiatan-kegiatan mereka di negara-negara lain.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Ahli Yang Berhormat akan tiada merasa sangsi di atas kenyataan bahawa sekiranya kita hendak menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini kita haruslah bertindak sebebaskan yang mungkin di dalam Peraturan-peraturan Kawalan Pertukaran terhadap pengambilan balik keuntungan dan pembayaran dividen. Pelabur-pelabur pada kebiasaannya mengharapkan keyakinan bahawa tiadanya halangan-halangan yang kurang perlu di dalam penggunaan keuntungan-keuntungan dan dividen-dividen. Sebagaimana kecenderungan kita di

dalam menggalakkan pelaburan semula ke atas keuntungan di dalam negara ini kita juga sedar bahawa pelabur-pelabur asing lebih menginginkan supaya mereka merasa bebas untuk membawa masuk juga membawa keluar modal-modal mereka sebagaimana yang ditentukan oleh keperluan-keperluan perdagangan dan perindustrian mereka. Dasar kawalan pertukaran Kerajaan adalah berasaskan kepada hal ini.

TV MALAYSIA SARAWAK

17. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Penerangan menyatakan samada rancangan dalam Bahasa China dan Iban akan dimasukkan dalam rancangan TV Malaysia bagi Sarawak, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum siaran TV Malaysia di Sarawak mengandungi dua bentuk siaran iaitu Siaran Nasional yang dipancarkan dari Kuala Lumpur dan Siaran Ketiga yang dipancarkan dari Kota Kinabalu.

Kandungan Siaran Nasional ini sudah tentulah membayangkan corak nasional dan menggunakan Bahasa Malaysia iaitu mengikut dasar kita yang telah menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi Negara ini.

Sambil itu pula Sarawak dan Sabah melalui Siaran Ketiga yang dipancarkan dari Kota Kinabalu menerima sama banyak masa siaran TV bagi mengisi kepentingan regional.

RANCANGAN-RANCANGAN TANAH

18. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan mengapa rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan atau lain-lain Badan Berkanun tidak dibuka untuk disertai secara besar-besaran oleh orang-orang bukan Bumiputra.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh Kerajaan atau Badan Berkanun adalah sememangnya terbuka kepada semua Warganegara Malaysia tidak mengira apa keturunan sekalipun. Hanya bagi sebilangan

projek-projek yang terletak dalam kawasan-kawasan rezab Melayu maka penyertaannya akan terhad kepada orang-orang Melayu sahaja.

USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menimbang Usul Akta Pinjaman Luar, 1963

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangkan perkara 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini apabila perkara 1 iaitu Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Pence-
raian) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangkan perkara 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini apabila perkara 1 iaitu Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Pence-
raian) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN), 1975

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb November, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas boleh meneruskan ucapannya.

3.36 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, pada masa Majlis yang mulia ini ditangguhkan persidangannya pada 5 haribulan saya tengah menarik perhatian kepada hakikat yang terdapat menurut Rang Undang-undang ini iaitu sekiranya Rang Undang-undang ini disahkan dan diterima oleh Parlimen dan menjadi Rang Undang-undang setiap orang tanpa mengira apa asal keturunannya, apa ugamanya, adat resamnya, kelazimannya dan sebagainya kecuali orang yang beragama Islam akan terikut oleh undang-undang ini. Bererti bukan sahaja perkahwinan-perkahwinan yang akan diadakan selepas undang-undang ini sudah dikuatkuasakan yang tertakluk kepada undang-undang ini, akan tetapi semua perkahwinan-perkahwinan yang telah dilakukan dahulu, samada cara Hindu, cara Kristian, cara China atau sebagainya akan dianggap mengikut Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini sebagai perkahwinan yang tertakluk kepada Undang-undang ini dan untuk penceraian atau lain-lain perkara berkaitan dengan nikah-kahwin, penceraian dan sebagainya mesti patuh kepada undang-undang ini. Ini satu perkara yang saya agak patut disedari, mula-mula sekali oleh semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Barangkali setengah-setengah Ahli-ahli dalam Dewan ini belum sedar yang ini dia hakikatnya, ini yang fact yang patut kita sedari. Oleh itu, saya rasa ada baiknya kalau kita fikir balik semula, jangan terus dihapuskan segala undang-undang yang ada pada waktu ini sebagaimana terdapat dalam Schedule—Civil Marriage Ordinance No. 44 of 1952, Registration of Marriages Ordinance No. 53 of 1952, Divorce Ordinance No. 74 of 1952, Christian Marriage Ordinance No. 33 of 1956, Legitimacy Act, 1961 (Act 60)—only subsection (2) of Section 3 dan sebagainya supaya digantikan sahaja dengan Rang Undang-undang ini.

Saya masih ingat satu contoh yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai di mana katanya bagi orang China yang mengamalkan adat resam China telah menjadi tradisi bagi satu-satu keluarga mempunyai warisan lelaki supaya dapat keluarga itu dilanjutkan usianya supaya ada anak lelaki itu boleh membawa nama keluarga seterusnya. Kalau sekiranya seseorang itu telah berkahwin selama sepuluh hingga lima belas tahun, tetapi tidak mendapat anak

lelaki misalnya, mengikut adat orang China yang sudah turun-temurun beratus ribu tahun, dia boleh kahwin lagi satu dengan persetujuan isterinya yang pertama. Itu tidak menjadi soal. Itu sesuai dengan adat resam China.

Di bawah peraturan undang-undang yang hendak kita sahkan ini terpaksa orang itu menceraikan isterinya yang pertama tadi sebelum dapat dia berkahwin dengan isterinya yang baru. Pada hal dia masih sayang isterinya yang pertama, dia tidak mahu menceraikan, dia sanggup mengekalkan perhubungan suami isteri seperti sediakala, sanggup membekal, menjaga seperti biasa, tambahan pula dia sanggup memberi layanan yang saksama, yang adil serupa dengan isterinya yang baru seperti dahulu juga tidak ada apa-apa perbezaan. Pada adat resam orang China ini diterima, tetapi pada undang-undang kita yang dibuat berasaskan kepada dasar dan unsur-unsur kebaratan—Keristian ini tidak boleh, ataupun dengan keadaan yang lain, sakit misalnya. Isteri itu sakit dan tidak boleh sembuh. Pada orang China memang dibenarkan dan sehingga hari ini dibenarkan kahwin lagi satu dan begitu juga dapat dijaga, diasuh isteri tuanya ini, sayang, kasih, membekal, menjaga seperti sediakala secara adil tidak lebih dan tidak kurang. Pada adat orang China ini berlaku dan memang diterima akan tetapi pada undang-undang yang berasas kepada unsur-unsur kebaratan, Keristian ini tidak boleh, dia mesti ceraikan dahulu dan sebagainya sebelum dia membawa isterinya yang baru.

Saya tidak mahu menaruh atau meletakkan sebarang nilai, atau sebarang timbangan samada monogamy itu baik atau tidak baik. Yang saya usulkan di sini ialah hak kita khasnya orang Islam, yang dibenarkan mengekalkan adat resam kita, yang dibenarkan untuk mengekalkan ugama kita, yang dibenarkan untuk mengekalkan cara perkahwinan sehingga boleh mempunyai empat orang isteri. Apa hak kita yang hendak menyekat orang China ataupun orang India ataupun orang lain yang memang mempunyai adat resam, peraturannya yang sudah dijalankan beratus ribu tahun itu, semata-mata kerana kita hendak turut dan ikut peraturan-peraturan yang diamalkan di Barat dan di Eropah yang memang berdasarkan kepada ajaran Keristian. Ini sebagaimana telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Panti barangkali menjadi satu perkara yang

keberatan kepada orang yang menjalankan tanggungannya dalam Dewan ini secara conscientious, secara menimbang tiap-tiap tindakan dan tiap-tiap langkah yang diterangkan olehnya. Saya rasa barangkali ini mungkin bertentangan dengan semangat spirit perlembagaan (constitution) kita yang menjamin kebebasan beragama, yang menjamin bahawa setiap umat berhak hidup mengikut corak yang telah dicorakkan untuknya oleh datuk-nenek-moyang mereka yang berabad-abad atau yang berkurun-kurun. Ini dia asas perpaduan negara ini. This is the cornerstone of our national unity; our tolerance and acceptance of the fact that every citizen of this country irrespective of his religion, irrespective of his language, of his mother tongue, is allowed and is permitted to practise his way of life, his religion, his culture. Kalau kita menerima undang-undang yang seperti ini maknanya kita mematah, kita memesong, kita menyekat kebebasan yang termaktub dalam perlembagaan yang terdapat pada hari ini yang patut kita junjung tinggi.

Saya ingat barangkali lebih sesuai dan lebih adil kalau kita walaupun sekiranya kita suka, saya sendiri merasa, sebagaimana saya katakan dahulu, perkara ini harus dan sepatutnya dipertimbang dan diputuskan oleh mereka yang terlibat akan kesannya. Tetapi saya akan membangkang Rang Undang-undang ini kalau terdapat bagaimana yang ada sekarang. Saya akan berkecuali masa diundi kalau ada perubahan yang membenarkan undang-undang ini disah dan dijadikan undang-undang dengan syarat terbuka undang-undang ini untuk dipakai oleh sesiapa juga, kecuali orang Islam kerana telah dikecualikan, yang suka menggunakannya untuk asas ikatan perkahwinan. Tetapi mereka yang ingin, yang mahu menjalankan kerja perkahwinannya secara orang China seperti yang telah dijalankan selama ini atau secara orang Hindu ataupun lain-lain cara mestilah ada kebebasan untuk menjalankan perkahwinan itu mengikut kemahuan mereka. Bagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput iaitu perkahwinan ini dalam konsep moden ialah contract. Contract ini pada saya mesti voluntary. Kalau voluntary sesiapa yang hendak kahwin, dia boleh sama-sama berunding; hendak kahwin cara apa; cara orang putih, cara civil marriage, cuma seorang lelaki dan seorang isteri boleh diikat. Boleh

kita register. Kita hendak kahwin cara China, pergi ke rumah mertua, bawa dan beri satu mangkuk tea sembahkan kepadanya, diterima masuk ke dalam keluarganya. Itu adat China. Cara bertali, berikat, itu cara Hindu. Itu ikut suka. Ini saya rasa lebih adil, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu perkara yang pada saya susah diterima dan mungkin menimbulkan perkara-perkara yang berekoran yang barangkali patut kita jaga supaya tidak timbul iaitu Perkara 51 yang pada saya dianggap sebagai satu penghinaan pada Islam. Saya ulang, pada saya, ini satu penghinaan kepada agama Islam. Kenapa? Oleh sebab seseorang itu sudah mahu memeluk agama Islam, menjadi seorang Islam, maka dengan sendirinya terus isteri atau suaminya telah berhak bebas, merdeka dapat diceraikan di bawah undang-undang kebaratan dan asas Keristian ini. Kenapa? Soal agama.

Apa hendak kata kalau seorang yang beragama Hindu, seorang lagi walaupun Hindu, mahu jadi Kristian, kenapa tidak dibuat begitu juga, ataupun sama-sama Kristian, seorang mahu jadi Buddhist kenapa tidak menjadi gugur juga, kenapa singled out Islam dan menghinakan Islam semacam ini? Tidak lain kerana fikiran kebaratan, Western Christian orientation yang ada pada orang-orang yang menggubalkan undang-undang ini.

Saya pernah terlibat dalam usaha untuk memberi penerangan berkenaan agama Islam menerusi PERKIM dan saya tahu hasil usaha ini di mana kita sudah dapati ramailah agaknya orang yang bukan Islam dengan sukarela, dengan kemahuan sendiri memeluk agama Islam menjadi orang Islam. Tetapi pada reality atau kenyataannya payah dan susah kita dapat convert semua sekali dalam satu keluarga, kadang-kadang anak lelaki, kadang-kadang anak perempuannya. Tetapi yang berlaku kebiasaannya si bapa, kerap kali Ketua Rumah (the head of the family) yakni si bapa bila dia sudah convert, pada praktiknya, pada amalan dan pada reality yang terdapat sekarang isteri dan anak-anaknya belum tertarik. Kita tidak boleh paksa sebab agama Islam tidak memaksa. Kalaulah undang-undang ini dikuatkuasakan apa akan jadi kepada beribu-ribu orang yang sudah masuk Islam di Semenanjung Tanah Melayu, di Sabah dan Sarawak dan sebagainya yang belum beres, yang belum selesai

usaha penerangannya dengan ajaran yang sedang dibuat dengan giatnya, tambahan pula datang undang-undang ini.

Pada saya barangkali undang-undang ini tidak ada maksud yang jahat, barangkali cuma semata-mata hendak mempertahankan nasib wanita. Barangkali dapat saya terima, tetapi ada pula syor bahawa sesiapa yang ditimpa kejadian semacam ini tidak dibenarkan kahwin, tempoh 3 bulan sahaja tidak cukup, biarlah sehingga 5 tahun tidak boleh dia kahwin, macam nusuz, macam diceraikan dan digantung tidak bertali selama 3—5 tahun tidak boleh dibenarkan kahwin. Ini satu perbuatan zalim, dari segi Islam barangkali dia tidak ada beri masa, tetapi saya ulangi ini undang-undang untuk orang bukan Islam, akan tetapi bila dia melibatkan undang-undang Islam dalam kedudukan atau situasi semacam ini timbulah soal mempertahankan hukum syarak, mempertahankan amalan orang Islam dan menolak dengan tegasnya sebarang suggestion sebarang tuduhan, sebarang sangkaan yang kerap kali salah sangkaan itu bahawa seorang yang menjadi orang Islam ataupun perempuan yang masuk Islam akan teraniaya, akan diberi layanan yang tidak sama atau yang tidak adil. Ini mesti ditolak kerana pada kami orang yang beragama Islam, kami berdiri tegak bahawa peraturan nikah kahwin yang terdapat mengikut hukum syarak ialah satu peraturan yang sudah diuji selama lebih seribu tahun kalau salah adalah amalan kami manusia sendiri yang tidak menjalankan secukupnya mengikut ajaran agama Islam. Ini kita boleh betulkan dan sedang kita usahakan untuk membetulkan, tetapi jangan sekali-sekali dikatakan agama Islam membenarkan poligami atau agama Islam membenarkan penganiayaan (exploitation) kepada wanita. Ini mesti ditolak, mesti disingkirkan dan tidak boleh diterima. Saya rasa ini satu perkara yang patut ditimbang semula, diambil balik, dikaji semula oleh pihak yang berkuasa. Janganlah biarkan keadaan semacam ini, kerana kalau dibiarkan bukanlah masalaahnya habis di sini. Ini satu perkara yang akan berekoran yang mungkin menimbulkan kesan-kesan yang tidak diingini. Saya tegaskan kepada pihak yang berkuasa kalau Perkara 51 ini ditinggalkan terbiar dalam undang-undang ini, bukan dia tamat di sini, perkara ini akan

berpanjangan dan perjuangan mempertahankan jalan yang benar akan diteruskan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah 5 tahun undang-undang ini ditapis dan ditimbang. Memang penting, saya katakan tadi. Undang-undang ini untuk mengikat manusia dalam satu perhubungan yang sangat penting dalam hidupnya, sudah betul, sudah sewajarnya kita mesti cermat dan mengambil masa yang panjang untuk menimbang dan memikirkannya, dan apalah salahnya kalau kita mengambil masa yang panjang sedikit lagi, bawa balik, uji dan timbang sekali lagi, jangan gopoh, jangan terus jalankan undang-undang ini. Saya rasa dengan beberapa teguran yang timbul kebanyakannya berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang penting, lebih baik fikiran-fikiran yang dikemukakan itu diambil perhatian dan barangkali patut diadakan balik satu Joint Select Committee yang terdiri daripada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan biarlah kita sama-sama berunding memikirkan sebelum kita rush, kalau rush juga, saya tegaskan lagi sekali, saya akan menentang undang-undang ini bukan sahaja dalam Dewan ini, saya akan tentang di luar Dewan ini juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, saya suka hendak mengingatkan iaitu kalau dapat dipendekkan sedikit ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan tidak mengulang apa yang sudah dilafazkan di Dewan ini kerana saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 5.30 petang ini juga.

3.59 ptg.

Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil masa sedikit untuk memberi pandangan mengenai Rang Undang-undang yang di hadapan kita ini, dan saya juga minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think it is necessary to make my stand clear at the outset that I support the principle behind this Bill. To me, the intention behind it provides recognition of the valid interests of the liberated women in this modern world. After having said that, Mr Speaker, Sir, saya juga suka memberi tiga perkara yang saya fikir patutlah diberi perhatian oleh Menteri yang berkenaan.

I look at this Bill, among other things, under three considerations:

- (1) whether the Bill itself adequately reconciles, as it attempts to reconcile, traditional practices and beliefs with present day social facts through legal means;
- (2) that Malaysians be given free choice to marry anyone they prefer; and
- (3) the couple contracting marriage have free choice as to the methods that they should choose to solemnise their marriages.

Tuan Yang di-Pertua, marriages and divorces are private matters, but they obviously have very important social implications. Despite what our elders may say and despite even what I perhaps myself would prefer, young people will still insist on marrying those whom they want to marry.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Even the old ones also have their choice! (*Ketawa*)

Tuan Leo Moggie anak Iroke: There is nothing wrong in this but what this would mean, I think, in our country is that there will likely be an increase in the number of inter-marriages. Inter-marriage is a trend that I should personally welcome—I have personal experience in this, Sir—and I think it is a trend that we should encourage because, I am not trying to be facetious but I think that certainly the privacy of the bedroom should and can be a stimulant for a very satisfying union. But it is also submitted, Sir, that for inter-marriage to operate successfully, the marrying couples must have a genuine choice under which they prefer their marriages to be solemnised and given legality. I mention this comment in respect of Section 3 (3) and also Section 51 that have already been commented upon by various members. Would not these Sections stifle this rather wholesome objective?

Looking at it from another point of view, Sir, it is quite possible also that a situation may arise where a Muslim and non-Muslim couple may wish to be married but that one or the other has no intention of converting his spouse or her spouse to the Muslim faith. In such a situation the marriage is not registrable under this Act. I am not concerned with the issue in regard to morality but the social and legal repercussions can be quite unfortunate.

Two possibilities spring to mind:

- (1) Legitimacy of the children of such union is subject to legal and social questioning. They are innocent by-products of indiscretion in the exercise of love.
- (2) On the other hand, those provisions provide an avenue for those who originally are not of the Muslim faith but who, for their own reason, choose to have a second wife, to take umbrage in and therefore unfortunately abuse the sanctity of the Muslim religion. I do not think this is a sort of situation we can encourage to happen.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, I leave that comment aside and now would like to comment briefly on the intention behind Section 3 (4). I am no legal expert, Sir, but this particular Section can be rather ambiguous. I know nothing of the custom or practices of the Orang Asli, neither am I acquainted with the practice among the non-Muslim natives of Sabah. I have a fair knowledge of the marriages among the non-Muslim natives of Sarawak. Some of these marriages are solemnised under the personal law of the community. More and more of these marriages are solemnised in accordance with the practice of the respective religions that they have embraced or they are being registered under the Civil Marriage Ordinance at the Registry Office. The essence of a marriage under customary law is to give social affirmation that a particular man and particular women can live and beget children together.

Now the wording of Section 3 (4) excludes from this Act all non-Muslim native marriages irrespective as to the mode of solemnisation, be it a traditional ceremony before the Headman or in a church or in other religious ceremonies or in a Registry Office. This does not, I submit, Sir, satisfy the current situation in non-Muslim native society. I know that the Sarawak Dayak National Union did in fact, and many others did also, bring this point to the attention of the Joint Select Committee and that they are now being studied. I know also from the speech by the Attorney-General in moving the second reading of this motion that it is intended that marriages among natives solemnised

according to customary law is excluded from this Act but that marriages of those who choose to marry in the Registry Office or religious ceremony are within this Act. I hope that my hearing of that statement is correct. I think, Sir, that this anomaly can be corrected if a certain change in the wording of Section 3 (4) is made. I suggest, Sir, that it would suit the purpose and the intention of the Bill and it would satisfy actual social facts if this particular section be worded as follows:

"This Act shall not apply to any native of Sabah or Sarawak or aborigine of Semenanjung Malaysia whose marriage is solemnised in accordance with the personal law of the community".

My third point, Sir, is that native marriages solemnised under customary law in Sarawak are not automatically recognised outside the community itself. From experience, Sir, this has indeed led to a number of unfortunate results especially when we consider commercial and administrative law, e.g. on succession to the estate, custody of the children, maintenance of the children and the spouse in the case of separation. The main cause of this is that marriages solemnised in accordance with customary law have no proper system of registration. If the Law of Marriage and Divorce should become the sole province of the Federal law, then it is my submission that there should be a section in this Act providing for an enabling provision whereby a Minister, on the recommendation of the State Government, can make subsidiary laws establishing the system of registration of native customary marriages and divorces in Sarawak. Social norms and social practices must apply to the particular context of time. While customary marriages might have been adequate for the last few years until the 1950s, and perhaps 1960s, it is inadequate to meet social requirements of the 1970s and thereafter.

4.08 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit di atas Rang Undang-undang ini di dalam bahasa Inggeris dan akan campurkan dalam Bahasa Malaysia.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya harap Yang Berhormat campur-campurkan berucap dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Tuan Ngan Siong Hing: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, first and foremost I must say that this Bill is innovative in nature. As such, more innovations must be made to this branch of our Civil Law and I have no doubt that in the course of its life, numerous amendments may have to be made.

- (1) Sir, the effect and workability of this new Family Law as applied to non-Muslims will not be known until they are tested and challenged in a court of competent jurisdiction.

Sir, many a member have expressed personal satisfaction over its birth and ranked it as the beginning of the making of a Women's Charter and more so, a lady member of this House has arrogated to herself the representative role of welcoming it on behalf of Malaysian women when the majority of whom know nothing of what this "creature" of Parliament is all about.

Sir, generally, as I see it, this Bill seeks to abolish age-old customary marriages and do away with polygamy. In a nutshell, it recognises the concept of "one man one wife" in law, and many a concupiscent man would lament this Bill as the beginning of the end of his insatiable desire. Where it would have been dignified to keep more than one wife under the old practice, it is now impossible as marriages have now to be solemnised under the provisions provided under this Bill.

But, Sir, this can be circumvented having regard to Section 51 (1) of the Bill which thus provides:

"Where one party to a marriage has converted to Islam, the other party who has not so converted may petition for divorce."

There is, however, Sir, a proviso to the effect that no petition can be presented before the expiration of three months from the date of the conversion. Sir, this is understandable because the convert would then be able to know whether or not there is conception. If one takes a liberal view, this is all right. But subsection (2) of Section 51 is unconscionable because, Sir, this section provides for the displacement of Sections 50 and 55 of this Bill, which two sections provide for reconciliation of the estranged parties to the marriage. I on my part, am quite doubtful of Sections 50 and 55, and I shall adumbrate my reasons later.

Sir, Section 51, therefore, in my humble view creates a statutory bias in favour of a person who has converted to Islam. The law and policy makers must not introduce religious sentiments into contractual obligations. It is wrong to do so, for it would mean sacrificing matrimonial harmony purely on the altar of religious expediency. It would only serve, in my view, to frustrate the purpose of this Bill.

Sir, supposing the convert is the husband, and after three months, the unfortunate wife petitions for a divorce and the subsequent grant of a decree nisi. What would then happen to the wife and the issues of the marriage? Sir, is the wife entitled to maintenance for she is now no longer the wife of the convert, who may not be permitted to provide for the maintenance of his non-Muslim ex-wife? Then, the children and on the same question of maintenance, are the children or the issues of the marriage entitled to such maintenance? If so, under what law—is it under this Bill which will become law or the existing Muslim laws of this country? If the wife petitions for a divorce because of the conversion of the husband and is entitled to maintenance both for herself and the issues of the marriages, then I submit that there must be a clear-cut provision in the Bill to this effect. Otherwise, the non-Muslim ex-wife of the convert will suffer mental agony and a life-long hardship.

Sir, Section 51, I am also sad to say, is also inconsistent with Section 54 (2) which says that the Court must consider the interest of any child or children in granting a decree nisi. This sounds like heavenly wisdom. What interest can a Court of mortals, Sir, consider when it is mandatory for the Court or the Judge to carry out the provisions of Section 51? This, I am sad to say, is going too far into the realm of illogic, for, on the one hand, a Court of Law must consider the interest of any child or children in granting a decree nisi, and on the other it has to grant a decree nisi by reason of the operation of Section 51 without having to consider the interest of any child or children. Sir, this is in my view illogical, and I urge that steps be taken to rectify this anomaly as is found in Section 51. If the interest of the issues of the marriage has to be considered, then, as I said, the House must repeal Section 51 (2) so as to enable the operation of Section 55 (1) and Section

55 (2) of this Bill. Otherwise, it will make a mockery of this Bill, as it is a grave contradistinction in terms.

Another feature of this Bill is that it facilitates easier divorce. With better education and material progress, customs and established institutions often break down. Many an old conservative may have been taken aback many a time by the frequency of divorces in this country and elsewhere. But I am not the least surprised. And those who think that society has degenerated are wrong in so thinking just because they are unable to enslave the women. Sir, divorces occur everywhere, even in some of the most advanced Muslim countries like Iran and Turkey where the concept of "one man one wife" is practised among Muslims. Sir, making allowance for human weaknesses and other forms of incompatibility, education is a cause in that educated women know their rights and find no total satisfaction in sexual exploits and wifehood alone. She is as much a social being as her male friends as she is a revolutionary in Vietnam and militia woman in China.

Sir, there is this right, that is to say the right to a divorce under the old laws as well except that this Bill has simplified the issue where mere mutual consent suffices for a decree to issue under Section 52. No doubt, many an unhappy married couple will take advantage of this provision as it would avoid washing a lot of dirty linen in public. Sir, although this Section is innovative, there is insufficient safeguard against the unscrupulous husband who often has the upper hand unless there are provisos to the effect that in such a situation both parties, that is to say the husband and the wife, should have counsels to work out the legal intricacies. Then in Section 53, it is stated that the sole ground for divorce is a "breakdown", which necessitates proof under Section 54 (1) (a) to (d). These are briefly, Sir:

- (a) adultery;
- (b) unreasonable behaviour;
- (c) desertion for two years or more; and
- (d) living apart for two years or more.

While it is provided

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya harap di dalam masa berucap address the Chair.

Tuan Ngan Siong Hing: Yes, Sir. While it is provided that an inquiry may be held as to the facts alleged as causing a breakdown, Mr Speaker, Sir, it is yet to be seen to what test the Court will apply in determining whether there is a breakdown or not. As I see, Mr Speaker, Sir, the difficulty will arise in determining Section 54 (1) (b) and (d) especially. In all probability

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya ingat Ahli Yang Berhormat tidak berapa faham. Bila bercakap pandang-pandang ke sini. Address the Chair, please.

Tuan Ngan Siong Hing: In all probability, it appears that the test in Section 54 (1) (b) is not so clearly determinable because the wordings in the first sentence of Section 54 (1) (d) are extremely wide and vague. Thus, in a hypothetical case

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: On a point of order, Sir. The Honourable Member is reading from a prepared statement.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: What is it? Saya tidak berapa dengar. Sila ulangkan lagi.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya samada Ahli Yang Berhormat itu membaca daripada satu surat yang disediakan. Mengikut Peraturan Mesyuarat, itu tidak dibenarkan.

